KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE,TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

TARIKH	JUMAAT, 25 NOVEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	ISU ALAM SEKITAR PERLU JADI AGENDA KERAJAAN BAHARU
M/S	11
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	ENVIRONMENT

Isu alam sekitar perlu jadi agenda kerajaan baharu

Oleh Mogesh Sababathy
bhrencana@bh.com.my

Pengasas Bersama Project Ocean Hope

Pembentukan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) penting bukan sahaja demi kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, bahkan untuk memberikan tumpuan kepada isu berkaitan alam sekitar memandangkan impak perubahan iklim dan pemanasan global semakin jelas mengancam.

Dalam tempoh dua tahun ini sahaja, pelbagai bencana alam luar biasa berlaku akibat cuaca ekstrem, termasuk tragedi banjir besar hujung tahun lalu, banjir kilat dan banjir musim tengkujuh, selain isu pembangunan industri tidak terancang, pembalakan serta pencemaran semakin menjadi-jadi.

Penilaian Perubahan Iklim Ke-6 dikeluarkan Panel Perubahan Iklim Antara-Kerajaan (IPCC) melaporkan impak perubahan iklim, terutama suhu global kini berada di tahap 1.1 darjah celsius akan terus meningkat dan menjadi lebih teruk dalam masa terdekat sekiranya tindakan pantas serta efektif tidak diambil untuk mengehadkan kenaikan suhu melebihi 1.5 darjah celsius.

Ia juga menyatakan tindakan iklim memfokuskan langkah mengadaptasi dan memitigasi perlu menjadi keutamaan negara, terutama yang paling terdedah dengan kesan perubahan iklim seperti Malaysia sebagai negara membangun.

Ini menjadi agenda utama di Sidang Kemuncak Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) COP27 di Mesir, baru-baru ini yang menetapkan pemimpin dunia perlu komited mengurangkan pelepasan gas rumah hijau secara drastik, seterusnya melaksanakan Perjanjian Perubahan Iklim Paris 2015.

Wujud dana kerugian, kerosakan

Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres juga menyeru supaya tindakan iklim terus dipergiatkan kerana kita masih berada dalam tempoh sangat genting.

Antara keputusan paling signifikan diambil pada sidang itu, adalah mewujudkan Dana Kerugian dan Kerosakan merujuk kepada pembiayaan kos bagi impak disebabkan perubahan iklim untuk membantu negara miskin serta terjejas.

Saya berpeluang menghadiri persidangan ini bersama delegasi Malaysia dengan sokongan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia.

Delegasi Malaysia diterajui Ketua Setiausaha KASA, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dan disertai Penasihat Khas Perubahan Iklim kepada Perdana Menteri, Tan Sri Zakri Hamid. Pada pemerhatian saya, Malaysia menyumbang aktif dan beberapa agenda utama dibawa, termasuk perkara berkaitan pasaran karbon, proses pelaporan dan semakan sasaran, pembiayaan iklim, dan proses 'pengambilan stok (stocktake) global' selaras matlamat memenuhi objektif Perjanjian Paris.

Walaupun proses rundingan kekal sebagai fokus utama bagi delegasi Malaysia, kerajaan juga menggalakkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil sektor awam, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), belia dan komuniti Orang Asli dengan penubuhan Pavilion Malaysia.

Justeru, kerajaan baharu yang bakal terbentuk perlu memastikan segala tindakan dan keputusan diambil berkaitan alam sekitar berteraskan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Bagi memperkukuhkan tindakan iklim, antara boleh dilakukan adalah mengkaji semula, mengemas kini dan memperkukuhkan penguatkuasaan dasar berkaitan alam sekitar.

Selain itu, pembabitan pelbagai pihak termasuk generasi muda dan terpinggir dalam proses perundingan serta keputusan berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim haruslah dipergiatkan.

DISEDIAKAN OLEH	**1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM** **2-CARLOS LINTON (S19), BPM** UNIT PERPUSTAKAAN, BPM